

25/02/1997

Umno bentuk badan Pemuda BN

TELUK INTAN, Isnin - Pergerakan Pemuda Umno akan mempelopori pembentukan jawatankuasa Pemuda Barisan Nasional (BN) di semua peringkat tidak lama lagi.

Pengerusi Perpaduan dan Intergrasi Pemuda Umno, Zulkifli Alwi, berkata langkah itu bagi memantapkan lagi suasana perpaduan di kalangan pemuda parti komponen BN.

Katanya, usaha berkenaan selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed supaya persefahaman yang jitu diwujudkan di kalangan ahli parti dari pelbagai keturunan.

Zulkifli berkata, ketika ini perpaduan antara pemuda komponen BN itu hanya secara `adhock', iaitu apabila ada pilihan raya.

"Sudah tiba masanya pemuda BN menyusun strategi perpaduan supaya menjadi amalan sepanjang masa," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada pesakit di Hospital Teluk Intan, di sini hari ini.

(END)